



## PEMAKLUMAN

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA  
(MALAYSIAN QUALIFICATIONS AGENCY, MQA) SEMASA DAN PASCA PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN**

1. Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan Kerajaan, MQA melalui pengumuman bertarikh 17 Mac 2020 telah menangguhkan semua operasinya termasuk perkhidmatan kaunter, sistem khidmat pelanggan, program latihan, penilaian program dan aktiviti-aktiviti lain yang telah dirancang sepanjang tempoh tersebut.
2. Berikutan pelanjutan tempoh PKP sehingga 14 April 2020 yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, MQA ingin memaklumkan perkembangan terkini berkaitan dengan perkhidmatan-perkhidmatan MQA yang telah diselaraskan. Pemakluman ini bertujuan untuk memastikan Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) dan pihak berkepentingan mendapat maklumat yang tepat berkaitan proses-proses dan perkhidmatan yang terjejas semasa dan pasca PKP. PPT dan pihak berkepentingan boleh merujuk kepada perincian yang dinyatakan seperti di **Lampiran A**.
3. Pelaksanaan perkhidmatan yang dinyatakan dalam pemakluman ini adalah tertakluk kepada perubahan berdasarkan perkembangan yang akan dimaklumkan kelak dari semasa ke semasa.
4. Sebarang pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus sepanjang tempoh PKP boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:

**Proses Akreditasi** : <https://www2.mqa.gov.my/sppav2/>

---

**Pendaftaran Program** : [unitpendaftaran@mqa.gov.my](mailto:unitpendaftaran@mqa.gov.my)

---

**Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL)** : [apeladmin@mqa.gov.my](mailto:apeladmin@mqa.gov.my)

---

**Nilai Taraf/ Pengesahan Pengiktirafan** : [esisraf@mqa.gov.my](mailto:esisraf@mqa.gov.my)

---

**Sijil Akreditasi/ Malaysian Qualifications Register (MQR)** : [unitsijil@mqa.gov.my](mailto:unitsijil@mqa.gov.my) / [mqr@mqa.gov.my](mailto:mqr@mqa.gov.my)

---

**Latihan Jaminan Kualiti** : [upjk.mqatc@mqa.gov.my](mailto:upjk.mqatc@mqa.gov.my)

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)  
2 APRIL 2020**

<b>Bil</b>	<b>Perkhidmatan</b>	<b>Perkara</b>	<b>Panduan Pelanggan</b>
1.	i. Permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh	Pra Pendaftaran	Semua pra pendaftaran yang tamat pada 18 Mac 2020 hingga 20 April 2020 (atau mana-mana tarikh sebelum kaunter pendaftaran dibuka) dan mendapat notifikasi batal daripada sistem, perlu mendaftar semula bagi tujuan penghantaran permohonan program.
	ii. Audit Pematuhan Akreditasi Penuh		PPT digalakkan untuk melengkapkan pra pendaftaran selepas PKP berakhir.
	iii. Penilaian/ Audit Pematuhan Mata Pelajaran Umum (MPU)	Penghantaran Permohonan	<p>Kaunter pendaftaran untuk permohonan proses baharu akan dibuka mulai 20 April 2020 hingga 23 April 2020 sekiranya PKP berakhir pada 14 April 2020.</p> <p>Kaunter pendaftaran akan dibuka mulai 27 April 2020 hingga 30 April 2020 untuk program profesional, berkelompok dan PPT swaakreditasi seperti yang telah dijadualkan.</p> <p>Semua permohonan melalui pos yang diterima mulai 17 Mac 2020 hanya akan diproses mulai 20 April 2020.</p> <p>PPT akan dimaklumkan tentang tarikh baharu sekiranya PKP dilanjutkan.</p>
		Penghantaran Maklumat Tambahan pada Tarikh Ditetapkan	Bagi permohonan bulan Februari 2020 yang tidak lengkap, tempoh penghantaran maklumat tambahan adalah dilanjutkan secara automatik, iaitu 14 hari selepas PKP berakhir. (Sekiranya PKP berakhir pada 14 April 2020, tempoh akhir penghantaran maklumat tambahan adalah pada 28 April 2020).

Bil	Perkhidmatan	Perkara	Panduan Pelanggan
		Maklum Balas Penilaian Akreditasi Sementara	Bagi penilaian Akreditasi Sementara, tempoh penghantaran maklum balas oleh PPT terhadap laporan penilaian Ahli Panel Penilai (APP) juga dilanjutkan secara automatik kepada semua program yang terlibat. Tempoh akhir penghantaran maklum balas yang baharu adalah 14 hari selepas PKP berakhir. (Sekiranya PKP berakhir pada 14 April 2020, tempoh akhir penghantaran maklum balas adalah pada 28 April 2020).
		Lawatan Penilaian	Semua lawatan penilaian Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh yang telah dijadualkan antara 18 Mac 2020 sehingga 8 Mei 2020 adalah ditangguhkan. MQA akan menghubungi PPT yang terlibat bagi tujuan penjadualan semula tarikh lawatan yang baharu.
		Mesyuarat Jawatankuasa Akreditasi (MJA)	MJA yang dijadualkan pada 31 Mac 2020 ditunda ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak. PPT boleh merujuk Portal Rasmi MQA dari semasa ke semasa untuk mengetahui penjadualan semula tarikh MJA.
		Pengeluaran Sijil Akreditasi dan Pendaftaran Program dalam MQR	<p>Proses pengeluaran sijil akreditasi dan pendaftaran program dalam MQR akan disambung selepas PKP berakhir.</p> <p>Pengemaskinian maklumat program dalam MQR boleh diteruskan sepanjang tempoh PKP sekiranya MQA menerima emel daripada PPT bersertakan dokumen sokongan yang berkaitan (sebagai contoh surat kelulusan pengendalian program/ surat kelulusan pendaftaran penubuhan IPT dan sebagainya).</p>

Bil	Perkhidmatan	Perkara	Panduan Pelanggan
		Audit Pematuhan Akreditasi Penuh	<p>Penghantaran dokumen MQA-04: Penilaian Pematuhan Akreditasi Penuh Program bagi Kumpulan 1, Fasa 4 yang berakhir pada 31 Mac 2020 diberi pelanjutan sehingga 30 April 2020.</p> <p>Semua penilaian pematuhan program yang sedang diproses akan disambung selepas PKP berakhir. Taklimat berkenaan Audit Pematuhan untuk Akreditasi Penuh yang dijadualkan pada 7 April 2020 adalah ditangguhkan. PPT akan dimaklumkan mengenai tarikh baharu selepas PKP berakhir.</p>
		Penilaian/ Audit Pematuhan MPU	<p>Semua permohonan penilaian/ pematuhan MPU yang masih dalam proses penilaian akan disambung selepas PKP berakhir.</p> <p>Taklimat berkenaan Audit Pematuhan untuk Mata Pelajaran Umum (MPU) yang dijadualkan pada 7 April 2020 adalah ditangguhkan. PPT akan dimaklumkan mengenai tarikh baharu selepas PKP berakhir.</p>
		Penyenaraian/ Pendaftaran Program PPT Swaakreditasi	<p>Semua permohonan dan proses penyenaraian Perakuan Akreditasi Sementara di Laman Perakuan Akreditasi Sementara Program dan pendaftaran Akreditasi Penuh di MQR oleh PPT berstatus swaakreditasi ditangguhkan sehingga PKP berakhir.</p>

Bil	Perkhidmatan	Perkara	Panduan Pelanggan
2.	Permohonan APEL	Permohonan PPT APEL (C)	<p>Semua permohonan APEL (C) yang masih dalam proses penilaian akan disambung selepas PKP berakhir.</p> <p>Semua maklumat tambahan yang perlu dihantar oleh PPT kepada MQA dalam tempoh PKP akan diberikan tempoh pelanjutan 14 hari selepas PKP berakhir.</p> <p>Semua sesi representasi/ lawatan yang dijadualkan dalam tempoh PKP adalah ditangguhkan dan PPT akan dihubungi selepas PKP berakhir untuk penetapan tarikh baharu.</p>
		Permohonan APEL Individu	<p>Permohonan APEL masih dibuka seperti biasa di Portal APEL MQA sepanjang tempoh PKP.</p> <p>Proses penilaian APEL selanjutnya (penilaian portfolio/ ujian aptitud) adalah tertakluk kepada PPA yang dipilih oleh calon.</p> <p>Penyerahan dan penghantaran Sijil APEL akan disambung selepas PKP berakhir.</p>
3.	Latihan Jaminan Kualiti	Program <i>Certified Officer in Quality Assurance of Higher Education</i> (COQAHE)	<p>Penawaran program COQAHE Tier 1 (Siri 2/ 2020) yang dijadualkan pada 13 April 2020 hingga 18 April 2020 ditangguhkan ke bulan Jun 2020. Peserta akan dimaklumkan mengenai tarikh baharu selepas PKP berakhir.</p> <p>Penawaran program COQAHE Tier 2 akan dijadualkan semula pada bulan Oktober 2020.</p>
		Program Latihan Awam Siri 2	<p>Program Latihan Awam Siri 2 akan dilaksanakan pada 13 Julai 2020 hingga 18 Julai 2020. Pendaftaran secara atas talian dibuka mulai 6 April 2020 sehingga 15 Jun 2020. Urusan pembayaran akan dilaksanakan setelah tempoh PKP berakhir.</p>

Bil	Perkhidmatan	Perkara	Panduan Pelanggan
		Program Latihan <i>In-house</i>	<p>Semua program latihan <i>in-house</i> yang dijadualkan pada bulan Mac 2020 dan April 2020 adalah ditangguhkan.</p> <p>Pusat Latihan MQA (<i>MQA Training Center, MQATC</i>) akan menghubungi PPT yang terlibat untuk urusan penyelarasan tarikh latihan baharu.</p>
4.	Nilai Taraf dan Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan Negara Luar	Nilai Taraf (Peringkat Menengah/ Pendidikan Tinggi) Pengesahan Pengiktirafan Kelayakan Luar Negara	<p>Proses pengesahan nilai taraf kelayakan peringkat menengah atau pendidikan tinggi akan disambung selepas PKP berakhir.</p> <p>Proses pengesahan pengiktirafan kelayakan luar negara akan disambung selepas PKP berakhir.</p>